

186

**SOALAN NO: 170**

kepada 1,292 menara yang telah pun dibina dan dinaiktaraf oleh Kerajaan di Sabah.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa memantau kualiti perkhidmatan internet dan mengambil tindakan sewajarnya sekiranya penyedia perkhidmatan internet tidak mematuhi standard kualiti yang ditetapkan oleh SKMM. Kualiti perkhidmatan jalur lebar adalah tertakluk kepada pelbagai faktor seperti kandungan yang dimuat turun, waktu penggunaan, geografi dan sebagainya. Setakat ini, pemantauan SKMM tidak menunjukkan bahawa penyedia perkhidmatan sengaja menurunkan mutu perkhidmatan capaian internet semata-mata untuk mengenakan caj perkhidmatan tambahan kepada pengguna.